

25 JUN 1998

Mahathir-Apec

GUNAKAN PENDEKATAN PERKONGSIAN BIJAK, MAHATHIR GESA APEC

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), yang diwujudkan khusus untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, harus menggunakan pendekatan perkongsian bijak dalam mewujudkan hubungan merentasi sempadan agar pasaran Apec memberi manfaat kepada semua negara anggota, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Berucap pada perasmian SMI SHOWCASE `98 and Apec "Cross Border Linkages" di sini, beliau berkata permintaan untuk produk industri kecil dan sederhana (IKS) perlu mendorong kepada pewujudan sesetengah industri itu di negara anggota yang kurang maju.

"Modal, pengurusan dan teknologi perlu merentasi sempadan untuk menyumbang kepada pembangunan teknologi di negara-negara kurang maju melalui IKS.

"Dalam industri elektronik, telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT), skop bagi IKS adalah banyak," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa produk-produk baru yang inovatif yang memerlukan modal perlu diberikan sokongan yang secukupnya, bukan sahaja daripada segi kewangan tetapi juga daripada segi pembangunan vendor dan pembukaan pasaran yang adil.

"Di sini, sistem pembayaran royalti dan hakcipta perlu dikaji semula.

"Royalti yang tinggi yang dituntut dan tempoh hakmilik ciptaan baru yang berpanjangan menghalang pertumbuhan IKS," katanya.

Beliau berkata memandangkan pengklonan komputer dibenarkan, produk-produk lain juga harus dibenarkan untuk diklon.

Melalui cara ini, faedah daripada penyelidikan dalam industri elektronik, telekomunikasi dan IT yang sesuai untuk IKS akan dapat diagih-agihkan dengan lebih baik bagi manfaat lebih ramai orang, kata beliau.

Dr Mahathir berkata dengan perkongsian bijak, setiap pihak mestilah menyumbang sesuatu iaitu tanah dan lokasi, buruh, modal, teknologi bersama, pengurusan dan bahan mentah, dan sebaliknya, pihak lain mestila menerima bahagian yang adil.

Di dalam proses pemindahan teknologi, katanya kemahiran mesti berlaku.

"Setiap orang hendaklah diperkaya ekoran rantaian dan pemindahan itu," katanya.

Di dalam Apec, kata Dr Mahathir, Malaysia akan terus bekerja berasaskan tiga tonggak kerjasama yang telahpun diterima, iaitu liberalisasi perdagangan dan pelaburan, pemudahan perdagangan dan pelaburan, dan kerjasama ekonomi dan teknikal.

"Ini adalah beberapa kalimah tetapi ia mestilah diterjemahkan menjadi amalan yang mulia.

"Semua pihak ahru smendapat keuntungan dariada liberalisasi, pemudahan dan kerjasama," katanya, sambil menambah bahawa jika keuntungan hanya sebelah pihak atau lebih buruk lagi, jika ia mengakibatkan kerosakan kepada mana-mana rakan kongsi, maka amalan itu, sekurang-kurangnya patut dikaji semula dengan harapan memperbetulkan cara pelaksanaannya.

Beliau selanjutnya berkata bahawa jika didapati bahawa prinsip-prinsip itu adalah salah, maka "kita harus bersedia untuk memeriksa atau malahan mengakajinya semula."

Dr Mahathir menegaskan bahawa di dalam sejarah pencarian cara yang ideal, "kita telah melihat terlalu banyak kesilapan untuk mempercayai bahawa idea-idea semasa adalah unggul."

Beliau juga berkata bahawa dunia sedang melihat kemunculan semula kepercayaan bahawa yang besar adalah cantik tetapi haruslah diingat bahawa semua perkara yang besar mesti bermula daripada kecil.

Bagi banyak orang, saiz kecil akan terus kekal dan ketika gergasi-gergasi muncul di setiap bidang, di dalam industri akan sentiasa terdapat keperluan bagi yang kecil dan sederhana saiznya.

Katanya sungguhpun hari ini terdapat dua pembuat pesawat udara penumpang di dunia, iaitu Boeing dan Airbus, kedua-dua gergasi itu kian bergantung kepada bekalan alat-alat daripada pengeluar-pengeluar alat-alat, komponen-komponen kecil dan dan pemasangan kecil.

Sambil berkata bahawa terdapat berjuta-juta alat dan komponen, Dr Mahathir berkata ini bermakna sentiasa terdapat keperluan bagi industri-industri kecil dan sederhana.

"Sesungguhnya, demikianlah kepelbagaian kebolehan dan kemahiran IKS yang perlu bukan sahaja satu pengeluar sesuatu alat dan komponen tertentu, tetapi akan terdapat keperluan untuk berbagai-bagai pengeluar yang mengeluarkan barangan yang sama secara berasingan atau sesuatu dalam cara yang berbeza.

"Apabila ini berlaku, persaingan akan dirangsang dan kaedah-kaedah lebih baru atau pengeluaran bagi kecekapan yang lebih besar, kejituan dan kos akan dimajukan," katanya.

Beliau menambah kata bahawa apabila perkakas mesin menjadi lebih jitu dan lebih mudah untuk mengendalikannya, peserta-peserta baru daripada negara-negara kurang maju akan mampu mendapat sebahagian daripada usaha itu.

Dalam persaingan di kalangan IKS atau negara-negara maju dan sedang membangun Apec, katanya, setiap negara patut dibenarkan mengekalkan kelebihan persaingannya.

Sambil berkata bahawa buruh berkos rendah negara-negara kurang maju tidak patut dianggap sebagai kelebihan tidak saksama, katanya, jika ia, maka modal, teknologi dan kemahiran pengurusan negara-negara maju mestilah dianggap sebagai kelebihan tidak saksama.

"Jika kita tidak bersetuju mengekalkan kelebihan persaingan setiap kumpulan, maka kita patut menghapuskan kedua-duanya. Adalah tidak adil mengharapkan satu kelebihan persaingan dihapuskan manakala yang lain dikekalkan.

"Pengalaman telah menunjukkan bahawa apabila satu kelebihan persaingan digabungkan dengan yang lain, faedah kos yang terbesar terhasil," tambahnya.

Pameran SMI Showcase lima hari itu dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan disokong oleh Apec. -- BERNAMA
DVS AKD/OS